

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Sunday, 28 May, 2017 10:50 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Che Mohd Aziz bin Yaacob
Subject: INASIS SIME DARBY ONLINE: LAWATAN PENANDA ARAS 5S/QE INASIS SIME DARBY KE PEJABAT GIATMARA , KANGAR PERLIS



28 MEI 2017, AHAD | 2 RAMADAN 1438H



INASIS SIME DARBY ONLINE: Staf Pentadbiran INASIS Sime Darby, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan Lawatan Penanda Aras 5S/QE ke Pejabat Giatmara, Kangar Perlis baru-baru ini.

Lawatan ini diadakan untuk mendapat pendedahan berkenaan teknik pelaksanaan 5S/QE yang diamalkan oleh Bahagian Pengurusan Pejabat Giatmara Negeri Perlis sekaligus meraih anugerah pengiktirafan dari Malaysia Productivity Corporation (MPC) pada tahun 2016.

Timbalan Pengarah Giatmara Perlis, Hashim Saad turut berkongsi tips untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan semasa penilaian dilakukan.

Katanya, etika kerja yang positif, semangat kerja berpasukan dan melahirkan idea-idea yang inovatif dalam membudayakan amalan persekitaran berkualiti ditempat kerja perlu diamalkan bagi mencapai objektifnya.

Selain daripada itu, inovasi yang dilakukan juga akan memberi nilai tambah kepada persekitaran agar lebih ceria dan menarik.

Sementara itu, harapan staf INASIS Sime Darby yang menyertai lawatan ini berharap mereka akan mencapai objektif yang diinginkan oleh pihak pengurusan.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.